

THEMATIC ANALYSIS ON THE NECESSITY OF HIBAH LAW IN MALAYSIA

ANALISIS TEMA TERHADAP KEPERLUAN UNDANG-UNDANG HIBAH DI MALAYSIA

Mohd Khairy Kamarudinⁱ, Norlela Zamanⁱⁱ & Rosamiza Meor Razakⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan, khairy.k@umk.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. norlela@psa.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. rosamiza@psa.edu.my

Abstract	<p><i>Hibah has been practiced since the independence of Malaya in 1957. To date, it has been practised by the public and results in many cases of hibah being adjudicated in courts. Hence, the amendments to the existing laws related to hibah have been widely proposed by academicians and industry players of inheritance planning. However, the study of urgencies for the amendments to the laws is still lacking. Thus, this study was initiated to identify the necessities of hibah law in Malaysia by conducting semi-structured interviews with hibah experts. A total of six hibah experts were chosen based on purposive sampling method and they consist of three academicians and three industry players. The interviews were analyzed using Atlas.ti version 7 and thematic analysis was applied to obtain potential themes for the necessities of the hibah law amendments. This study discovered two key themes that illustrate the necessities of hibah law in which they are hibah law as 'Guidelines' and 'Constraints'. 'Guidelines' refers to hibah procedures and jurisprudence related to hibah in the form of Civil and Shariah laws. Procedures in the form of Civil refer to the National Land Code 1965 while hibah jurisprudence refers to the pillars and conditions of hibah. Furthermore, 'Constraints' refers to the status of hibah land. There are two main land status, 'Agriculture' status and FELDA land that restrict the number of ownership to those types of land. This paper recommends that hibah law needs to be amended by harmonizing Civil and Shariah laws, taking into account the constraints inherited in the existing laws.</i></p> <p>Keywords: <i>Hibah, Courts, Law, Inheritance, Industry.</i></p>
Abstrak	<p><i>Hibah telah diamalkan sejak sebelum kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957. Sehingga kini, amalan hibah telah dipraktikkan oleh orang ramai sehingga mengakibatkan terdapat banyak kes hibah dibicarakan di mahkamah. Oleh itu, pindaan undang-undang berkaitan hibah telah banyak dicadangkan oleh ahli-ahli akademik dan pemain industri perancangan pusaka. Namun kajian berkaitan keperluan terhadap pindaan undang-undang tersebut masih kurang dijalankan. Oleh itu, kajian mengenalpasti keperluan undang-undang hibah di Malaysia dengan menjalankan temu bual separa berstruktur bersama pakar-pakar hibah. Seramai enam orang pakar hibah yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan yang terdiri daripada tiga orang ahli akademik dan tiga orang pemain industri. Hasil temu bual dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7 dan analisis tema diaplikasikan untuk mendapatkan tema bagi keperluan pindaan undang-undang hibah dipinda. Kajian ini mendapati dua</i></p>

tema utama yang menunjukkan keperluan undang-undang hibah iaitu undang-undang sebagai 'Garis panduan' dan 'Kekangan'. 'Garis panduan' merujuk kepada prosedur urusan hibah dan hukum-hukum yang berkaitan hibah dalam bentuk Sivil dan Syariah. Prosedur dalam bentuk Sivil ialah merujuk kepada Kanun Tanah Negara 1960 manakala hukum hibah merujuk kepada rukun dan syarat amalan hibah. Manakala 'Kekangan' merujuk kepada status tanah yang dihibahkan. Terdapat dua status tanah yang utama iaitu tanah berstatus 'Pertanian' dan tanah rancangan FELDA yang menyekat bilangan pemilik terhadap pemilikan tanah berkenaan. Kajian ini mencadangkan supaya undang-undang hibah perlu dipinda dengan mengharmonikan undang-undang Sivil dan Syariah, dan mengambil kira kekangan yang terdapat dalam undang-undang sedia ada.

Kata kunci: Hibah, Mahkamah, Undang-Undang, Pusaka, Industri.

PENDAHULUAN

Amalan pemberian hibah telah diamalkan sejak sebelum merdeka berdasarkan kes Kiah lwn Som [1953] 19 MLJ 82 yang berlaku pada 1953 (Mujani, Wan Hussain, Yaakub, & Abdul Rashid, 2011). Terdapat pelbagai faktor yang mendorong amalan hibah ini sehingga mendapat tempat dalam masyarakat. Antara faktor yang mendorong pemberian hibah ini adalah pemberi berhasrat untuk membantu penerima khususnya kedudukan ekonomi penerima yang kurang baik. Pada masa yang sama, melalui pemberian hibah ini, pemberi dapat membalas jasa penerima yang banyak membantu atau menjaga pemberi (Alma'amun, 2012; Alma'amun, Kamarudin, & Asutay, 2016; Chong, Alma'amun, & Sia, 2015; Kamarudin & Nor Muhammad, 2017).

Malah dalam konteks di Malaysia, pemberian hibah ini dapat mengurangkan peningkatan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut kerana pemberian tersebut telah dilakukan semasa hayat dan menyebabkan harta tersebut tidak tertakluk kepada pembahagian pusaka selepas kematian (Abdul Rashid & Ahmad, 2013; Abdul Rashid, Hassan, & Yaakub, 2013; Noordin, Ismail, Abd Rahman, Haron, & Abdullah, 2016; Taha, Sulong, & Ayub, 2015).

Namun begitu, terdapat banyak kes pertikaian berkaitan hibah di Mahkamah seperti kes Mohamad Haron & Satu Lagi lwn Jaridah Lat & Satu Lagi [2017] MLRHU 1475, Mohamad Taupik Mohamad Nor & Yang Lain lwn Siti Rahmah Mohd Noor & Yang Lain [2016] MLRHU 1445, Kamsiah Yusof lwn Latifah Yusof dan Tiga Yang Lain [2008] 1 MLRS 145, Norhayati Yusoff lwn Ahmad Shah Ahmad Tabrani [2008] 1 MRLS 341, Zanani Mohd Noor lwn Awang Merah dan Satu Yang Lain [2008] 1 MLRS 24 dan Norazmi Nasaruddin & Yang Lain lwn Norazaman Nasaruddin [2017] MLRHU 1320. Pertikaian tidak hanya berkaitan dengan status pemberian hibah, malah pertikaian sehingga melibatkan percanggahan bidang kuasa seperti yang diputuskan dalam kes Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun dan lain-lain [2007] 5 MLJ 101. Menurut Mohd Sa'afie & Muda, (2018a) terdapat peningkatan yang ketara berkaitan pengesahan hibah di Mahkamah Syariah pada setiap tahun.

Berdasarkan kes-kes pertikaian dan pengesahan hibah, terdapat dua indikator yang boleh dikaitkan. Pertama ialah amalan pemberian hibah telah diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat (Mohamed Said, Awang, & Mohd Nor, 2012). Kedua ialah pertikaian berkaitan pemberian ini disebabkan ketiadaan undang-undang khusus yang mengawal selia amalan ini (Baharudin & Mohamed Said, 2015). Perkara ini memberikan kesan iaitu terdapat kemungkinan keputusan yang dibuat oleh Hakim adalah berbeza antara satu sama lain. Tambahan lagi, Mahkamah Syariah tidak mengaplikasikan doktrin 'ikatan duluan' seperti yang diamalkan di Mahkamah Sivil (Azalan & Mohamed Said, 2016).

Terdapat banyak kajian yang mencadangkan supaya undang-undang hibah dipinda seperti (Abdul Ghani & Ahmad Razali, 2018; Abdul Rashid et al., 2013; Adli & Mohamed

Said, 2018; Md Yunos, 2015; R. Muda, 2016; Nor Muhamad, 2015; Nor Muhamad et al., 2019), namun begitu, kajian empirikal terhadap keperluan undang-undang tersebut masih kurang dijalankan. Oleh itu, kajian ini melanjutkan perbincangan terhadap keperluan undang-undang hibah di Malaysia melalui temu bual separa berstruktur bersama pakar-pakar perundangan. Dapatan kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pembuat dasar dalam merangka undang-undang dan menyumbang kepada ilmu pengetahuan berkaitan amalan pemberian hibah.

Kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian. Bahagian pertama iaitu bahagian pengenalan menerangkan keperluan untuk menjalankan kajian. Seterusnya bahagian kedua merupakan kajian literatur yang membahaskan badan pengetahuan berkaitan keperluan undang-undang hibah dalam konteks di Malaysia. Bahagian ketiga menghuraikan kaedah penyelidikan yang diaplikasikan dalam kajian iaitu dimulakan dengan kaedah pengumpulan data, pemilihan responden, prosedur pengumpulan dan analisis data. Bahagian keempat dan kelima merupakan analisis terhadap dapatan kajian dan perbincangan. Manakala bahagian terakhir merupakan kesimpulan kajian.

KAJIAN LITERATUR

Pada masa kini, perkara berkaitan dengan hibah hanyalah dinyatakan dalam peruntukan umum bagi bidang kuasa Mahkamah Syariah iaitu Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Terma 'pemberian' di dalam peruntukkan tersebut adalah merujuk kepada amalan pemberian hibah. Dalam masa yang sama, peruntukkan tersebut memberi dua implikasi iaitu urusan berkaitan hibah tertakluk di bawah pentadbiran agama Islam bagi setiap negeri dan melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah (Abdul Rashid & Yaakub, 2010a; Azhar, Hussain, Badarulzaman, & Mohd Noor, 2014; Baharudin & Mohamed Said, 2015; Md Yunos, 2015).

Namun begitu, telah berlaku konflik di antara dua bidang kuasa iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam menentukan hal-hal berkaitan pusaka, wasiat dan hibah seperti di dalam kes Jumaaton dan satu lagi lwn Raja Hizaruddin [1998] 6 MLJ 556 (Halim & Arshad, 2014; Nor Muhamad, 2008). Oleh itu, undang-undang hibah perlu digubal dan diseragamkan di setiap negeri di Malaysia (R. Muda, 2016). Malah, terdapat di dalam Seksyen 26, Akta Kontrak 1950 yang mengiktiraf kontrak yang tidak memerlukan balasan. Namun perkara yang ditekankan ialah penulisan sebarang perjanjian (Mujani et al., 2011).

Dari sudut kesan kepada waris, pemberi dan penerima, undang-undang hibah dapat mengurangkan sebarang pertikaian terutama selepas pemberian hibah disempurnakan (Md Yunos, 2015). Kamarudin & Nor Muhamad, (2018) mendapati, pemberian hibah menyebabkan pertikaian dalam kalangan waris kerana merasakan pemberi hibah telah menzalimi mereka. Hal ini disebabkan terdapat dalam kalangan waris yang tidak mendapat sebarang harta. Malah pertikaian ini juga berlaku kerana segelintir pemberi hibah merahsiakan pemberian tersebut daripada pengetahuan mereka. Walaupun pemberian tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang Sivil dan Syariah, namun tindakan tersebut mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan waris.

Azalan & Mohamed Said, (2016) dan Md Yunos, (2015) berpendapat undang-undang hibah dapat menjadi panduan kepada hakim-hakim Mahkamah Syariah dalam memutuskan sebarang pertikaian. Maka perkara ini dapat meningkatkan kredibiliti Mahkamah Syariah. Oleh sebab undang-undang khusus berkaitan hibah masih belum wujud, maka terdapat kemungkinan Hakim-hakim ini memutuskan sesuatu isu hibah berpandukan keadaan semasa kes dan merujuk kepada pendapat-pendapat ulama' yang berbeza.

Selain itu, undang-undang berkaitan hibah juga diperlukan bagi memenuhi keperluan orang Islam khususnya di Malaysia dan pengamal-pengamal industri yang perlu menawarkan produk yang dapat memenuhi keperluan tersebut (Adli & Mohamed Said, 2018). Hal ini disebabkan, penawaran produk hibah tidak boleh bertentangan dengan undang-undang Syariah dan Sivil. Kesan daripada keperluan masyarakat ini, aplikasi hibah

telah berevolusi. Bermula daripada pemberian hibah mutlak melalui pindah milik tanah di Pejabat Tanah (Abdul Rashid & Yaakub, 2010a; Md Ismail, 2015) sehinggalah penawaran produk hibah amanah (Ali & Adnan, 2016; Mohd Sa'afie & Muda, 2018b; Noordin et al., 2016), hibah bersyarat (Habibur Rahman, Ghazali, & Abdullah, 2018; Mohamed Said, 2015; Nor Muhamad, 2012; Nor Muhamad, Che Yaacob, & Mat Hussain, 2017; Othman, Mohamed Said, Muda, & Nor Muhamad, 2017) dan hibah harta bercagar (Mujani, Abdul Rashid, Wan Hussain, & Yaakub, 2012).

Amalan hibah secara mutlak melalui pindah milik ini dikira sebagai hibah walaupun proses tersebut dilakukan secara sivil iaitu melalui Borang 14A seperti yang diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 (Md Ismail, 2015; Mohd Nor, Wan Ismail, Abdul Mutalib, Baharuddin, & Hashim, 2018; Muhammad Serji & Shapiee, 2018). Manakala hibah amanah merupakan gabungan di antara dua kontrak iaitu hibah dan amanah. Produk ini dapat mengelakkan masalah utama hibah mutlak iaitu pemberian yang tidak boleh dibatalkan. Sebaliknya, hibah amanah membenarkan pemberian disempurnakan selepas kematian pemberi (Ahmad, Ab Majid, Abdullah, Noor Minhad, & Ismail, 2017).

Namun begitu, jika terdapat pertikaian berkaitan kesahan produk ini, maka sukar untuk menentukan bidang kuasa yang terlibat iaitu sama ada Sivil atau Syariah. Hal ini disebabkan hibah merupakan bidang kuasa Syariah dan amanah merupakan bidang kuasa Sivil (Noordin et al., 2016). Hibah bersyarat pula secara umumnya ialah pemberian yang dikenakan syarat seperti *umra* dan *ruqba*. Walaupun mazhab Syafie yang diamalkan di Malaysia tidak mengiktiraf kedua-dua jenis hibah bersyarat ini, namun dewasa ini, terdapat keperluan untuk menerima hibah ini sebagai satu kontrak hibah yang sah dari segi hukum. Tambahan lagi Othman et al., (2017) berpandangan *umra dan ruqba* diperlukan supaya harta yang dihibahkan tidak disalah guna oleh penerima hibah dan menjaga kebajikan pemberi hibah. Seterusnya hibah harta bercagar iaitu harta yang dicagarkan sebagai contoh kepada institusi kewangan, kemudian hibahkan kepada orang lain. Harta yang dicagarkan ini hanya boleh dihibahkan dengan mendapat kebenaran pemegang gadaian (Azhar et al., 2014; Azhar & Ishak, 2011; Disa, 2009; Mohd Sa'afie & Muda, 2018b; Mujani et al., 2012).

Nor Muhamad, (2011) berpendapat, hibah harta bercagar ini diperlukan kerana kesukaran untuk mendapatkan hartanah secara tunai dan sudah menjadi kebiasaan pada masa kini. Oleh itu, jika hibah harta bercagar ini tidak dibenarkan secara keseluruhan, maka terdapat kesukaran dalam kalangan pemilik harta untuk menghibahkan harta tersebut kepada penerima yang dikehendaki.

Wilson, Rosenman, White, Tilse, & Feeney, (2016) berpendapat undang-undang dapat menentukan bagaimana seseorang pemilik harta dapat membuat keputusan tentang pembahagian harta yang dimiliki. Pada masa yang sama undang-undang ini dapat memberikan perlindungan kepada pemberi dan penerima harta (Hyland, 2014). Malah pengamal undang-undang yang bertanggungjawab untuk merancang dan memberikan nasihat kepada pemilik harta juga perlu memastikan umat Islam merancang harta melalui kaedah yang selari dengan kehendak Syariah dan undang-undang sedia ada. Namun begitu, ketiadaan undang-undang ini menyukarkan mereka untuk memberikan khidmat nasihat yang terbaik kepada umat Islam (Nor Muhamad, 2015; Nor Muhamad et al., 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Data kajian ini dikumpul melalui temu bual separa berstruktur melalui panggilan telefon bersama pakar-pakar hibah di Malaysia. Kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana kaedah ini boleh berdiri dengan sendiri, tanpa mendapat sokongan daripada kaedah pengumpulan data yang lain (McIntosh & Morse, 2015). Walaupun, kaedah temu bual secara bertentangan (*face to face*) yang menjadi pilihan kebanyakan penyelidik, namun Cachia & Millward, (2011) berpendapat, temu bual melalui panggilan telefon masih merupakan kaedah penyelidikan yang sah dan efektif. Tambahan lagi, temu bual melalui telefon lebih menumpukan kepada suara berbanding penampilan informan dan

mengurangkan rasa tidak selesa di antara penemubual dan responden (Ward, Gott, & Hoare, 2015).

Pemilihan responden adalah berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Bagi memulakan pemilihan, kajian ini menetapkan dua ciri inklusif bagi responden. Hal ini bagi memastikan responden mempunyai pengetahuan dan berkelayakan bagi menerangkan keperluan undang-undang hibah di Malaysia seperti yang dicadangkan oleh Gentles, Charles, Ploeg, & Mckibbon, (2015). Dua ciri tersebut ialah responden yang mempunyai latar belakang undang-undang sama ada di peringkat pengajian diploma, sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah dan mempunyai pengalaman dalam urusan berkaitan hibah seperti pindah milik tanah (hibah tanah), penyediaan dokumen atau kes mahkamah bagi pemain industri atau telah menulis satu artikel ilmiah berkaitan hibah bagi ahli akademik.

Soalan utama temu bual ialah “Apakah keperluan untuk mewujudkan undang-undang hibah” dan disokong soalan-soalan sampingan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Temu bual dirakam menggunakan telefon bimbit penyelidik selepas mendapat kebenaran responden. Rakaman tersebut ditranskrip bersama oleh dua orang penyelidik bagi memastikan tiada maklumat yang tertinggal. Transkrip temu bual tersebut dikirimkan melalui e-mail kepada responden bagi tujuan sebarang pembetulan maklumat jika ada dan mendapat pengesahan untuk tujuan analisis data.

Transkrip temu bual dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 7. Kajian ini mengaplikasikan kaedah analisis tema yang dicadangkan oleh Braun & Clarke, (2006). Dua penyelidik membaca transkrip berulang kali bagi membiasakan penyelidik dengan data dan mendapatkan idea awal. Seterusnya, penyelidik mengekod dapatan temu bual yang berkaitan dengan persoalan kajian. Oleh sebab terdapat dua penyelidik, maka perkara ini dapat mengurangkan kemungkinan kod yang tidak konsisten atau tertinggal (Campbell, Quincy, Osserman, & Pedersen, 2013). Dua penyelidik menyemak kod-kod tersebut bagi mengenal pasti pola terhadap sesuatu isu dan seterusnya membangunkan tema berkaitan keperluan undang-undang hibah di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menemu bual enam orang responden yang terdiri daripada tiga orang pemain industri dan tiga orang ahli akademik. Berdasarkan analisis yang dijalankan, tema keperluan undang-undang hibah di Malaysia dibahagikan kepada dua iaitu ‘Garis panduan’ dan ‘Kekangan’. Jadual 1 menunjukkan label responden, klasifikasi responden yang pola persetujuan responden terhadap dua tema yang didapati dalam kajian ini. Setiap tema ini dipersetujui oleh tiga orang responden

Jadual 1. Profil Responden

Label responden	Klasifikasi responden	Tema	
		Garis panduan	Kekangan
INF1	Ahli akademik (1)	x	
INF2	Pemain industri (1) – Pegawai Tadbir Tanah	x	
INF3	Ahli akademik (2)	x	
INF4	Pemain industri (2) – Perancangan Pusaka Swasta		x
INF5	Pemain industri (3) – Peguam		x
INF6	Ahli akademik (3)		x

INF1 berpendapat undang-undang secara umum memberikan garis panduan hal-hal berkaitan hibah.

“Sebab kadang-kadang (amalan) hibah ni, undang-undang ni (hibah) memberi satu guideline lah” (INF1)

Manakala, dalam konteks undang-undang yang sedia ada iaitu KTN telah memperuntukkan prosedur untuk menjalankan sebarang transaksi berkaitan tanah termasuklah pindah milik tanah. INF2 berpendapat, pindah milik tersebut termasuk dalam salah satu hibah yang dipraktikkan.

“Sangat memberi kesan faktor undang-undang (hibah). Sebab kita di sini, di pejabat tanah, prosedur yang ada dalam KTN tu, memang kita (pegawai pejabat tanah) akan peganglah (ikut peraturan dalam KTN)” (INF2).

Pada masa yang sama, prosedur atau garis panduan yang telah ditetapkan juga memudahkan pemberi untuk menjalankan sebarang transaksi.

“Sebenarnya undang-undang (hibah) ni, sebagai kita yang nak buat hibah, of course, kita ada knowledge untuk buat benda tu (hibah). Benda tu (hibah), kita sendiri yang laksanakan. Kita sendiri yang pergi jumpa, person in charge tu untuk buat hibah (syarikat perancangan harta, peguam atau pegawai tanah). Of course apa yang diperkenalkan di dalam undang-undang sebagai guidelines dan membantu untuk membuat hibah. Kenapa kita buat hibah? Because dalam law dia kata begini-begini (prosedur urusan hibah). Dia memudahkan (kepada pemilik harta). Sebenarnya undang-undang tu memudahkan (urusan hibah)” (INF3).

Pada masa yang sama, undang-undang juga memberikan kekangan untuk menjalankan urusan hibah dalam bentuk pindah milik tanah berdasarkan pandangan INF4. Sebagai contohnya tanah ‘Pertanian’ yang bersaiz satu ekar, tidak boleh dipindah milik kepada dua orang penerima.

“Saya setuju ibu bapa buat hibah disebabkan undang-undang. Sebab undang-undang kerajaan buat begitu, tanah (status pertanian) minimum satu ekar (saiz tanah) untuk buat pindah milik (hibah tanah), sebab economical tanah tu. Tanah pertanian. Tujuan untuk hadkan kepada seorang (nama yang berdaftar di atas geran) sebab satu ekar tu adalah keluasan yang economical (tujuan pertanian)” (INF4).

Selain tanah persendirian yang berstatus pertanian, tanah FELDA juga mempunyai kekangan tertentu untuk dihibahkan iaitu sama seperti tanah berstatus pertanian, tidak boleh didaftarkan kepada lebih dua orang nama.

“Contohnya sekarang ni, kekangan (secara undang-undang) yang berlaku di FELDA (tanah rancangan). Sebahagian peneroka (generasi pertama), dia nak buat pindah milik (hibah tanah) kepada anak (generasi) kalau dia ada isu (masalah dan keperluan) dan sebagainya. Tapi ada kekangan (sekatan). Kekangan tu menyebabkan dia (peneroka) tak boleh buat (hibah tanah). Kalau melihat kepada akta-akta yang lain, yang boleh membenarkan pindah milik (hibah tanah) berlaku, mereka pindah milik lah (hibah tanah)” (INF5).

“Undang-undang (hibah) juga merupakan salah satu faktor (keperluan) juga. Sebab kalau kita tengok dari segi macam Tanah FELDA tu, dia ada sekatan-sekatan (kekangan-kekangan) tertentu di bawah undang-undang (Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960). Maka dia (peneroka FELDA) memang tidak boleh buat hibah lah” (INF6).

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, undang-undang hibah diperlukan sebagai garis panduan dan kekangan kepada pemilik harta untuk menghibahkan harta kepada penerima. Dari sudut garis panduan, prosedur yang ditetapkan perlu dipatuhi bagi mengelakkan sebarang pertikaian di masa akan datang (Md Ismail, 2015). Perkara ini selaras dengan tujuan asal penggubalan KTN iaitu menyelesaikan masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan pengurusan tanah di Malaysia termasuklah hibah tanah melalui pindah milik tanah (Abdul Rashid & Yaakub, 2010b; Abdullah, 2005; Sufian & Mohamad, 2015).

Berdasarkan Seksyen 215(1), KTN, secara jelas memperuntukkan prosedur pindah milik perlu melalui instrumen dalam Borang 14A. Borang 14A merupakan borang yang perlu diisi dan ditandatangani atau diturunkan cap jari (jika tidak boleh membaca atau menulis) oleh pemberi dan penerima. Terdapat beberapa contoh kes berkaitan pengisian Borang 14A bagi tujuan pindah milik ialah kes Pozhiah binti Mat Jusoh (sebagai anak yang sah dan wakil diri kepada Mat Jusoh @ Jusoh bin Abdullah, si mati) lwn Mohd Sabri bin Ghazali (sebagai wakil diri yang sah kepada Ghazali bin Yusof, si mati 2) dan lain-lain [2018] MLJU 113, Husin bin Mohd Yunus dan lain-lain lwn Sutan Norli bin Razali Tan Naris [2017] MLJU 1563, Rodziah bt Abd Rahim lwn Mohamed Zubir bin Hassan dan lain-lain [2015] MLJU 1223 dan Nik Noor Hazlini bt Nik Abdul Hamid v Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & Ors [2014] 3 SHLR 73.

"Pindah milik mana-mana tanah bermilik di bawah Akta ini hendaklah dikuatkuasakan melalui satu instrumen dalam Borang 14A" (Seksyen 215(1), Kanun Tanah Negara 1965).

Walaupun KTN telah memberikan panduan dari segi prosedur secara sivil iaitu pindah milik, namun hal-hal berkaitan hibah atau pemberian tertakluk kepada Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini memperuntukkan urusan berkaitan pemberian atau hibah tertakluk di bawah Mahkamah Tinggi Syariah (Azhar et al., 2014; Md Yunus, 2015; Mohd Sa'afie & Muda, 2018a). Dalam konteks ini, Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan kesahan hibah dengan merujuk sumber perundangan Islam iaitu Al-Quran, As-Sunah dan kitab-kitab fiqh. Kelemahan utama peruntukan berkaitan hibah ini ialah hanya terdapat peruntukan umum untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan kes-kes berkaitan hibah. Malah istilah yang digunakan di setiap negeri adalah berbeza-beza (M. Z. Muda, 2009).

Jadual 2 merupakan ringkasan kepada enakmen-enakmen yang terdapat bagi setiap negeri dan istilah yang digunakan. Manakala Jadual 3 menunjukkan senarai istilah hibah bagi setiap negeri. Kebanyakan negeri menggunakan istilah 'Alang semasa hidup' seperti Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah, Melaka, Perak dan Selangor. Manakala 'Pemberian semasa hidup' ialah Negeri Sembilan dan Pahang. Manakala bagi Kelantan, Sabah dan Sarawak, terdapat perkataan hibah di dalam enakmen negeri tersebut. Namun istilah sebelum 'hibah' tersebut adalah berbeza iaitu di Kelantan ialah 'Alang hayat', dan Sabah dan Sarawak ialah 'Alang semasa hidup'.

Jadual 2. Senarai Enakmen Bagi Setiap Negeri Dan Istilah Hibah Yang Digunakan

Enakmen	Seksyen	Istilah hibah yang digunakan
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	61(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup
Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Negeri Sembilan 1991	41(2)(b)(vi)	Pemberian semasa hidup
Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	46(2)(b)(vi)	Alang semasa hidup
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	61(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup
Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008	13(3)(b)	Alang semasa hidup
Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan)	9(2)(vi)	Alang hayat (hibah)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	49(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 (Pahang)	47(2)(b)(vi)	Pemberian semasa hidup

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	50(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup
Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah)	11(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup (hibah)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis)	61(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup
Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak)	10(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup (hibah)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	61(3)(b)(vi)	Alang semasa hidup

Jadual 3. Istilah Hibah Bagi Setiap Enakmen Undang-Undang Islam Negeri

Istilah hibah	Negeri
Alang semasa hidup	Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Johor, Kedah, Melaka, Perak, Selangor
Alang hayat (hibah)	Kelantan
Pemberian semasa hidup	Negeri Sembilan, Pahang
Alang semasa hidup (hibah)	Sabah, Sarawak

Kesimpulannya, walaupun pemberian atau hibah merupakan bidang kuasa Mahkamah Syariah, namun begitu, dalam konteks pindah milik tanah, kuasa yang menentukan pendaftaran pindah milik ini perlu merujuk kepada KTN. Hal ini disebabkan KTN menekankan hal-hal berkaitan dengan pendaftaran pemilik, manakala hibah dalam Islam menekankan kesahan dari segi akad antara dua pihak yang berkontrak. Berdasarkan kes-kes hibah seperti Rodziah bt Abd Rahim lwn Mohamed Zubir bin Hassan dan lain-lain [2015] MLJU 1223, Nik Noor Hazlini bt Nik Abdul Hamdi v Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & Ors [2014] 3 SHLR 73, Wan Khairani bt Wan Mahmood v Ismail bin Mohamad [2011] 3 SHLR 12, Ahamad bin Ngah & Anor v Asmara bin Sulung & Ors [2013] 3 SHLR 16 dan Puan Hjh Amin @ Che Tom bt Kassim v Tuan Hj Abdul Rashid bin Abd Hamid [2014] 4 SHLR 116 menunjukkan pindah milik tanah melalui Borang 14A, merupakan salah satu kaedah hibah yang dibenarkan dalam Islam.

Sekatan dalam undang-undang hibah merujuk kepada dua status tanah yang utama iaitu tanah berstatus 'pertanian' dan tanah rancangan FELDA. Kekangan terhadap tanah berstatus 'pertanian' di peruntukkan dalam Seksyen 136(1)(f)(i) dan Seksyen 205(3). Manakala Seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 turut menyekat pemilikan kepada dua penama yang berdaftar sahaja bagi setiap satu pegangan desa. Hal ini bertujuan untuk memastikan saiz tanah tersebut masih ekonomi dan boleh dibangunkan. Pemilikan beramai-ramai boleh menyebabkan saiz pemilikan tanah menjadi semakin kecil dan sukar melakukan sebarang aktiviti ekonomi (Sulong & Taha, 2016; Taha et al., 2015). Namun dari, sekatan yang menyumbang kepada kesukaran untuk menghibahkan harta ini mengakibatkan peningkatan harta pusaka yang tidak dituntut. Hal ini disebabkan, tiada waris yang sanggup untuk menguruskan harta pusaka dan pada masa yang sama perlu berkongsi bahagian pusaka yang mereka urus bersama waris yang lain.

"Syarat-syarat untuk kelulusan pecah-sempadan

(f) bahawa kawasan mana-mana bahagian pecah-sempadan:

(i) dalam kes tanah yang tertakluk kepada kategori "pertanian", atau kepada apa-apa syarat yang menghendaki kegunaannya untuk maksud pertanian, tidaklah kurang dari dua perlima hektar" (Seksyen 136(1)(f)(i), Kanun Tanah Negara 195).

"Tertakluk kepada subseksyen (4), tiada urusan niaga berkenaan dengan mana-mana tanah bermilik tertakluk kepada kategori "pertanian" atau kepada mana-mana syarat yang menghendaki penggunaannya untuk apa-apa maksud pertanian akan dikuatkuasakan jika urusan niaga tersebut akan mempunyai kesan mewujudkan mana-mana bahagian yang tak dipecahkan berupa suatu saiz bahawa, jika tanah itu hendak dipecah-bahagi mengikut kadar kepada beberapa bahagian, keluasan mana-mana bahagian individu yang akan terhasil daripadanya akan berupa kurang daripada dua perlima hektar" (Seksyen 205(3), Kanun Tanah Negara 1965).

"A rural holding may be alienated and jointly held by not more than two holders" (Seksyen 14(2), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960).

Perbincangan berkaitan keperluan undang-undang hibah di Malaysia dapat diringkaskan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Ringkasan Keperluan Undang-Undang Hibah Di Malaysia

PENUTUP

Undang-undang hibah diperlukan dalam konteks di Malaysia kerana kajian ini mendapati undang-undang tersebut dapat memberikan garis panduan dan kekangan kepada pemberi. Dari sudut garis panduan, terdapat dua undang-undang yang perlu dipertimbangkan dan diharmonikan iaitu Sivil dan Syariah. Pada masa kini, dalam undang-undang Sivil, terdapat satu undang-undang khusus berkaitan hibah tanah iaitu Kanun Tanah Negara 1965. Sebaliknya, hibah hanya diperuntukkan secara umum di dalam Enakmen Agama Islam Negeri. Manakala kekangan undang-undang berkaitan hibah ialah merujuk kepada status tanah iaitu tanah berstatus 'Pertanian' dan tanah rancangan FELDA. Kedua-dua jenis tanah ini mempunyai sekatan tertentu iaitu tidak boleh didaftarkan lebih dua orang penama.

Kajian ini mencadangkan undang-undang tersebut perlu dibangunkan dengan cara mengharmonikan undang-undang Sivil dan Syariah, dan mengambil kira kekangan undang-undang sedia ada yang menjaga kepentingan harta. Undang-undang tersebut boleh dirangka pada peringkat negeri seperti Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor (1999), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan (2004), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka (2005), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Kelantan (2009), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Pahang (2017) dan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sabah (2018).

Dalam enakmen tersebut telah disediakan borang wasiat dalam Jadual Kedua, Subseksyen 3(3). Oleh itu, kajian ini mencadangkan enakmen hibah yang dibangunkan turut menyediakan borang hibah seperti yang terdapat di dalam Enakmen Wasiat Orang Islam. Pada masa yang sama, borang hibah tersebut perlu disahkan bagi memastikan hibah tersebut tidak bertentangan dengan kekangan-kekangan yang terdapat dalam perundangan sivil di Malaysia.

Kajian lanjutan pula boleh dijalankan dengan memfokuskan kepada keperluan penghibah untuk memberi harta atau keperluan penerima untuk menerima harta. Perkara tersebut dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan atau perkembangan teori pemindahan antara generasi. Kajian tersebut boleh dijalankan sama ada dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh dana penyelidikan *Research Acculturation Grant Scheme (RAGS)*, Kementerian Pendidikan Malaysia (R/RAGS/A01.00/01142A/001/2015/000209).

RUJUKAN

Jurnal

- Abdul Ghani, F., & Ahmad Razali, N. 2018. *Legal Review On Hibah (Inter Vivos Gift) In Malaysia: Problems And Solutions*. Social & Behavioural Sciences. <http://doi.org/https://dx.doi.org/10.15405/epsbs.2018.07.02.95>
- Abdul Rashid, R., & Ahmad, N. H. 2013. *Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan Dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah*. Jurnal Hadhari, 5(1), 91–104.
- Abdul Rashid, R., Hassan, S. A., & Yaakub, N. I. 2013. *A Need For Legal Framework Of Gift Inter Vivos (Hibah) In Malaysian Estate Planning*. International Journal of Business, Economics and Law, 2(3), 29–31.
- Abdul Rashid, R., & Yaakub, N. I. 2010a. *Hibah: Isu Pindah Milik Dan Pembatalan Hibah Hartanah Di Bawah Kanun Tanah Negara*. Syariah Law Reports, 1, 14–29.
- Abdul Rashid, R., & Yaakub, N. I. 2010b. *Masalah Kegagalan Dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka Di Malaysia*. Jurnal Intelek, 5(2).
- Abdullah, N. 2005. *Polisi Pentadbiran Dan Pengurusan Tanah: Analisis Perbandingan Antara Kanun Tanah Negara Dan Hukum Islam*. Jurnal Syariah, 13(2), 125–145.
- Adli, A., & Mohamed Said, N. L. 2018. *Keperluan Saksi Dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah Di Mahkamah Syariah*. Journal of Contemporary Islamic Law, 3(2), 20–27.
- Alma'amun, S. 2012. *Analysing The Practice Of Wasiyyah (Islamic Will) Within The Contextual Form Of Islamic Estate Planning In Malaysia: Variations Across Control Variables*. Journal of Islamic Economics, Banking and Finance, 8(3), 60–82.
- Alma'amun, S., Kamarudin, M. K., & Asutay, M. 2016. *Motivations Of Inter Vivos Transfers Among Malaysian Muslims*. *Øconomica*, 12(3), 149–162.
- Azalan, N. S., & Mohamed Said, N. L. 2016. *Sharia Judges Decision On Cases Of Hibah Ruqba Endorsement*. Journal of Contemporary Islamic Law, 1(2), 91–101.
- Azhar, A., Hussain, M. A., Badarulzaman, M. H., & Mohd Noor, F. 2014. *Pengurusan Harta Dalam Islam: Perspektif Hibah Di Malaysia*. Journal of Human Development and Communication, 3, 115–128.
- Azhar, A., & Ishak, A. M. 2011. *Instrumen Hibah Dan Takaful Dalam Aspek Pengurusan Harta Pusaka*. Jurnal Pengurusan JAWHAR, 5(1), 35–62.
- Braun, V., & Clarke, V. 2006. *Using Thematic Analysis In Psychology*. Qualitative Research in Psychology, 3(2006), 77–101. <http://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cachia, M., & Millward, L. 2011. *The Telephone Medium And Semi-Structured Interviews: A Complementaty Fit*. Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal, 6(3), 265–277.
- Campbell, J. L., Quincy, C., Osserman, J., & Pedersen, O. K. 2013. *Coding In-Depth Semistructured Interviews: Problems Of Unitization And Intercoder Reliability And Agreement*. Sociological Methods & Research, 42(3), 294–320.
- Chong, S. C., Alma'amun, S., & Sia, B. K. 2015. *Bequest Motives Among Older Malays In Selangor*. Jurnal Ekonomi Malaysia, 49(2), 17–26. <http://doi.org/10.17576/JEM-2015-4902-02>
- Disa, M. N. 2009. *Penyelarasan Undang-Undang Pewarisan: Isu Dan Penyelesaiannya*. Jurnal Pengurusan JAWHAR, 3(1), 189–215.

- Gentles, S. J., Charles, C., Ploeg, J., & Mckibbon, K. A. (2015). *Sampling In Qualitative Research: Insights From An Overview Of The Methods Literature*. The Qualitative Report, 20(11), 1772–1789.
- Halim, A. H., & Arshad, A. 2014. *Penentuan Harta Pusaka Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Undang-Undang Sivil Dan Syariah*. Kanun, 26(2), 153–172.
- Hyland, R. 2014. Gift And Danger. *Journal of Classical Sociology*, 14(1), 45–53.
- Kamarudin, M. K., & Nor Muhamad, N. H. 2018. *Siblings' Dispute Over Parents' Transfer: Malaysian Case*. *Journal of Advanced Research in Law and Economics*, XI(3), 978–989.
- Kamarudin, M. K., & Nor Muhammad, N. H. 2017. *Faktor Pemberian Hibah Menurut Perspektif Pentadbir Tanah*. UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 4(3-1), 22–31. <http://doi.org/10.11113/umran2017.4n3-1.250>.
- McIntosh, M. J., & Morse, J. M. 2015. Situating And Constructing Diversity In Semi-Structured Interviews. *Global Qualitative Nursing Research*, 2, 1–12.
- Mohamed Said, N. L., Awang, M. R., & Mohd Nor, A. H. 2012. *Hibah Dengan Syarat Balasan Menurut Pandangan Fuqaha Dan Kedudukannya Dalam Undang-Undang Sivil Jordan*. *Jurnal Syariah*, 20(3), 309–328.
- Mohd Nor, A. H., Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., & Hashim, H. 2018. *Methodology Of Evidence In Hibah Cases In Malaysia Syariah Court: Review Of Cases In Jurnal Hukum*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(2), 31–40.
- Mohd Sa'afie, A., & Muda, M. Z. 2018a. *Garis Panduan Dalam Penyediaan Borang Hibah Di Mahkamah Tinggi Syariah*. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(1), 1–7.
- Mohd Sa'afie, A., & Muda, M. Z. 2018b. *Kepelbagaian Produk Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta: Sorotan Literatur*. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 10(1), 31–41.
- Muda, M. Z. 2009. *Instrumen Hibah Dan Wasiat: Analisis Hukum Dan Aplikasi Di Malaysia*. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 105–157.
- Muda, R. 2016. *Harta Pusaka Islam Di Malaysia: Antara Perundangan Dan Pentadbiran*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4, 1–10.
- Muhammad Serji, R., & Shapiee, R. 2018. *Issues And Legal Conflicts Related To Hibah Of Immovable Properties In Malaysia*. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 84–101.
- Mujani, W. K., Abdul Rashid, R., Wan Hussain, W. M. H., & Yaakub, N. I. 2012. Gift Inter Vivos For Charged Property. *The Social Sciences*, 7(2), 196–199.
- Mujani, W. K., Wan Hussain, W. M. H., Yaakub, N. I., & Abdul Rashid, R. 2011. *The Concept Of Law Of Gift Inter Vivos Under Islamic Law And The Contracts Act, 1950*. *International Business Management*, 5(6), 319–325.
- Noordin, N. H., Ismail, M. I., Abd Rahman, M. A. H., Haron, S. N., & Abdullah, A. 2016. *Re-Evaluating The Practice Of Hibah Trust In Malaysia*. *Humanomics*, 32(4), 418–436. <http://doi.org/10.1108/H-05-2016-0044>
- Nor Muhamad, N. H. 2008. Bidang Kuasa Hibah di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Jurnal Muamalat*, 16(2), 367–392.
- Nor Muhamad, N. H. 2011. *Penyelesaian Pindah Milik Harta Bercagar Di Institusi Kewangan: Dari Perspektif Undang-Undang Islam*. Kanun, 2, 180–208.
- Nor Muhamad, N. H. (2012). *'Umra Dan Ruqba: Analisis Mengenai Kesannya Terhadap Kontrak Hibah Dan Potensinya Sebagai Instrumen Agihan Harta*. *Jurnal Syariah*, 20(1), 1–46.
- Nor Muhamad, N. H., Che Yaacob, A., & Mat Hussain, N. 2017. *Konsep Hibah Bersyarat Dan Aplikasinya Dalam Perancangan Harta*. UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 3(1), 32–41. Retrieved from <https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/251/117>
- Nor Muhamad, N. H., Kamarudin, M. K., Abdullah, A. H., Sholehuddin, N., Abdul Hamid, M. F., Muhidin, I., & Abdul Karim, K. 2019. *Islamic Inter Vivos Law Challenges In Malaysia*. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 22(1), 1–6.

- Othman, N. S., Mohamed Said, N. L., Muda, M. Z., & Nor Muhamad, N. H. 2017. *Case Analysis On The Practice Of Conditional Hibah In Malaysia*. *Islamiyyat*, 39(2), 135–142.
- Sufian, A., & Mohamad, N. A. 2015. *Cadangan Satu Dokumen Hak Milik Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965: Antara Teori Dan Realiti*. *Kanun*, 27(2), 314–325.
- Sulong, J., & Taha, M. M. 2016. *Implications Of Multiple Land Ownership In Malaysia*. *International Journal of Social Science and Humanity*, 6(5), 2014–2017.
- Taha, M. M., Sulong, J., & Ayub, M. N. 2015. *Pemilikan Bersama Tanah Pusaka: Realiti, Masalah Dan Cabaran*. *ESTEEM Academic Journal*, 11(2), 47–59.
- Ward, K., Gott, M., & Hoare, K. 2015. *Participants' Views Of Telephone Interviews Within A Grounded Theory Study*. *Journal of Advanced Nursing*, 71(12), 2775–2785. <http://doi.org/10.1111/jan.12748>
- Wilson, J., Rosenman, L., White, B., Tilse, C., & Feeney, R. 2016. *Cultural Considerations In Will-Making In Australia: A Case Study Of Islamic Or Sharia-Compliant Wills*. *Alternative Law Journal*, 41(1), 23–26.

Seminar/Prosiding

- Ahmad, K., Ab Majid, R., Abdullah, Z., Noor Minhad, S. F., & Ismail, S. 2017. *Acceptance Of Hibah As An Alternative Mechanism In Muslims Asset Management*. *SHS Web of Conferences (Vol. 36, pp. 1–9)*.
- Ali, M. N., & Adnan, A. 2016. *Hibah Amanah Hartanah*. *International Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*.
- Baharudin, N. I., & Mohamed Said, N. L. 2015. *Keperluan Hibah Dalam Mengatasi Masalah Pewarisan Harta Pusaka Saudara Baru Di Malaysia*. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Habibur Rahman, M., Ghazali, P. L., & Abdullah, M. F. 2018. *Hibah Umra And Ruqba In Islamic Law: A Legal Analysis*. *Proceedings of the International Conference on Law and Globalisation 2018 (ICLG2018)*. Terengganu.
- Md Ismail, C. T. 2015. *Pindahmilik Tanah Dan Hibah Di Bawah Kanun Tanah Negara 1965*. *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Md Yunos, A. R. 2015. *Hibah Dari Perspektif Aplikasi Undang-Undang Syariah Di Malaysia*. *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohamed Said, N. L. 2015. *Hibah Umra Dan Ruqba*. *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Nor Muhamad, N. H. 2015. *Cabaran Aplikasi Hibah Di Malaysia*. *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*.

Akta

- Akta Kontrak 1950.
- Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
- Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.
- Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah).
- Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Negeri Sembilan 1991.
- Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 (Pahang).
- Kanun Tanah Negara 1965.

Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak).
Perlembagaan Persekutuan.
Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Kelantan (2009).
Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka (2005).
Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Pahang (2017).
Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sabah (2018).
Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor (1999).
Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan (2004).

Temubual

Cik Norfaizah binti Pa'at. Pegawai Tadbir Tanah Daerah Mersing. 3 Julai 2018.
Dr. Alias bin Azhar. Prof Madya, Kolej Undang-undang, Universiti Utara Malaysia. 8 Mei 2018.
Dr. Jasni bin Sulong. Prof Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 21 Oktober 2012. 9 Mei 2018.
Dr. Shafinar binti Ismail. Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Melaka. 15 Mei 2018.
Encik Kamarul Azman bin Mustapha Kamal. Pengarah, Mypusaka.info, Seremban. 16 Mei 2018.
Ustaz Wan Abdul Halim Wan Harun. Tetuan W Halim, Kuala Terengganu. 7 Jun 2018.

Kes

Ahamad bin Ngah & Anor v Asmara bin Sulung & Ors.
Husin bin Mohd Yunus dan lain-lain lwn Sutan Norli bin Razali Tan Naris.
Jumaaton dan satu lagi lwn Raja Hizaruddin.
Kamsiah Yusof lwn Latifah Yusof dan Tiga Yang Lain.
Kiah lwn Som.
Latifah bte Mat Zin lwn Rosmawati bte Sharibun dan lain-lain.
Mohamad Haron & Satu Lagi lwn Jaridah Lat & Satu Lagi.
Mohamad Taupik Mohamad Nor & Yang Lain lwn Siti Rahmah Mohd Noor & Yang Lain.
Nik Noor Hazlini bt Nik Abdul Hamid v Nik Noor Hazrinda bt Nik Abdul Hamid & Ors.
Norazmi Nasaruddin & Yang Lain lwn Norazaman Nasaruddin.
Norhayati Yusoff lwn Ahmad Shah Ahmad Tabrani.
Poziah binti Mat Jusoh (sebagai anak yang sah dan wakil diri kepada Mat Jusoh @ Jusoh bin Abdullah, si mati) lwn Mohd Sabri bin Ghazali (sebagai wakil diri yang sah kepada Ghazali bin Yusof, si mati 2) dan lain-lain.
Puan Hjh Amin @ Che Tom bt Kassim v Tuan Hj Abdul Rashid bin Abd Hamid.
Rodziah bt Abd Rahim lwn Mohamed Zubir bin Hassan dan lain-lain.
Wan Khairani bt Wan Mahmood v Ismail bin Mohamad.
Zanani Mohd Noor lwn Awang Merah dan Satu Yang Lain.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.